

Dua wanita didenda RM500, penjara tiga hari kerana miliki rokok, minuman keras tanpa cukai

KUCHING: Akibat memiliki rokok dan minuman keras pelbagai jenama tanpa cukai, dua wanita didenda RM500 serta penjara tiga hari oleh Mahkamah Majistret Kota Samarahan, kelmarin.

Elyvia Derang Engkamat, 32, dan Liana Lucia Peter, 29, mengaku bersalah di hadapan

Majistret Ling Hui Chuan sebaik didakwa mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan Kecil Sarawak 1958 dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Seksyen berkenaan memperuntukkan hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda hingga RM500, jika

sabit kesalahan.

Berdasarkan keterangan kes, polis semasa Ops Taring Alpha pada 3 Januari 2025, sekitar jam 9.45 pagi telah melakukan pemeriksaan di sebuah premis di RH Park, Phase 2, Batu 9 di sini.

Seorang pegawai polis yang mengetuai pasukan itu telah

memperkenalkan diri kepada kedua-dua wanita terbabit yang disyaki menjaga premis tersebut.

Semasa melakukan pemeriksaan, pihak polis menemui pelbagai jenis rokok dan minuman keras tanpa cukai di dalam premis berkenaan.